

BH

Berita Harian

MERENTAS GENERASI

www.bharian.com.my



MORATORIUM PERLOMBONGAN BAUKSIT


Pelombong tak peduli arahan

BH. 2/8/2017, ms. 1, 20, 21



Selepas lebih setahun dikuatkuasakan ada pengusaha meneruskan kegiatan di sebalik alasan mengeluarkan stok sedia ada. Tinjauan BH mendapati lori membawa bauksit beroperasi seperti biasa dan menggunakan khidmat tonto bagi lindungi kawasan perlombongan

→ Ms.20/21



Tinjauan bekas kawasan pengumpulan bauksit yang sudah dibersihkan di sekitar Pelabuhan Kuantan.

Pelombong bauksit 'langgar' moratorium

➔ Arahan henti kegiatan sejak 2016 tak diendah

Oleh Biro BH Pahang
bhnews@bh.com.my

✦ Kuantan

Pelaksanaan moratorium terhadap perlombongan bauksit di negeri ini sejak 15 Januari 2016, dipercayai gagal menghentikan aktiviti itu yang kini disyaki berjalan secara haram.

Selepas lebih setahun moratorium perlombongan bauksit dikuatkuasakan, ada pengusaha lombong dipercayai meneruskan aktiviti itu dengan berselindung di sebalik alasan mengeluarkan simpanan bauksit sedia ada.

Berdasarkan maklumat diperoleh daripada Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar, ketika moratorium dilaksanakan, simpanan bauksit adalah 5.4 juta tan, tetapi sehingga 8 Jun 2017, sejumlah 5.8 juta tan bauksit sudah dieksport melalui Pelabuhan Kuantan dan Kemaman, Terengganu.

Perlombongan yang dipercayai

masih berjalan menyaksikan lori dengan muatan bauksit beroperasi seperti biasa, melalui ladang kelapa sawit sekitar FELDA Bukit Goh, sebelum memasuki Lebuhraya Pantai Timur (LPT) di antara laluan Jabor menghalu ke susur keluar Plaza Tol Kuantan,

Hasil maklumat awam, tinjauan BH selama seminggu, mendapati aktiviti lori memunggah bahan mineral berkenaan masih berjalan dan menggunakan khidmat sekumpulan tonto bagi melindungi kawasan perlombongan.

Seorang peniaga di kawasan Pasir Kemudi, Jalan Sungai Lembing-Kuantan yang enggan dikenali, mendakwa aktiviti memunggah bauksit tidak pernah berhenti, walaupun sejak kerajaan menguatkuasakan moratorium.

"Mana ada (berhenti), boleh dikatakan setiap hari ada lori yang keluar masuk membawa bauksit, cuma kini semua lori dibersihkan sebelum, memasuki jalan raya. Saya tidak tahu lori itu bawa bauksit dari mana atau ke mana, saya tidak pernah tanya



Jangan sampai rakyat cakap moratorium cuma drama, lebih banyak kerosakan alam sekitar berlaku sekiranya aktiviti ini dibiarkan berterusan"

Shariffa Sabrina Syed Akil,
Presiden Pertubuhan Pelindung
Khazanah Alam Malaysia

walaupun mereka selalu singgah di sini (kedai miliknya).

"Susah nak masuk ke sana (lombong bauksit), ada orang kawal, kena ada pikap (pacuan empat roda) sebab ia masuk ke dalam. Saya tidak mahu ambil tahu sangat, lagi pun saya berniaga di sini, nanti (perniagaan) saya juga yang susah," katanya.

Kawasan dikawal tonto

Usaha wartawan dan jurugambar BH meninjau lokasi lombong dan pusat simpanan sementara, termasuk melalui jalan pintas yang ditunjukkan penduduk kampung berhampiran, gagal kerana saya sering diekori sekumpulan lelaki.

Mereka menggunakan kenderaan pacuan empat roda menghalau dan mengugut selain merakamkan gambar wartawan dan jurugambar BH sebelum memaksa supaya beredar dari lokasi dengan segera.

Difahamkan, hanya individu tertentu dibenarkan melepasi kawasan yang dikawal tonto, selain perlu menggunakan pacuan empat roda untuk sampai ke lombong dan

